

Kekalkan sistem keluarga: Mahathir

11 NOV 1991

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem keluarga sebagai institusi asas masyarakat perlu dikekalkan dan diperkuatkan kerana keluarga ialah penerima dan penyumbang kepada pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, kekuatan dan kestabilan keluarga dapat mempengaruhi dan menjamin kestabilan masyarakat.

"Sehubungan itu, segala perubahan dan perkemhangan di peringkat keluarga sudah pasti akan memberi kesan kepada masyarakat dan negara," katanya dalam perutusan sempena perayaan Hari Keluarga Kebangsaan 1991 melalui TV Malaysia malam tadi.

Menurutnya, satu sistem keluarga yang kuat, mantap dan sihat amat diperlukan bagi melahirkan anak yang bersikap bertanggungjawab dan menjadi warganegara berguna.

Beliau berkata, pencapaian

matlamat Wawasan 2020 juga terletak di tangan ibu bapa.

"Saya ingin menekankan pentingnya kita mengkaji fungsi institusi keluarga yang akan membawa negara ini pada tahap yang lebih mencah," katanya.

Perdana Menteri berkata, perubahan struktur ekonomi yang berlaku di negara maju sering mewujudkan ciri-ciri individualisme yang kurang sihat, seperti bersikap egoistik, mementingkan diri, membelakangkan keluarga dan masyarakat serta tidak peka kepada keadaan sekeliling.

"Kebanyakan masalah sosial yang dihadapi negara maju hari ini, berpunca daripada ketidakmampuan mereka mengatasi ketegangan sehingga tingkah laku mereka menjejaskan dan mengancam ahli keluarga yang lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta ibu bapa mempelajari teknik menangani keadaan dan masalah yang dihadapi

anak mereka.

"Strategi komunikasi yang menjalinkan hubungan rapat dengan anak di samping memberi penekanan ke atas perubahan tingkah laku perlu dipelajari dan dihayati," katanya.

Beliau juga mengingatkan generasi muda supaya menghargai sumbangan golongan tua, terutama dalam membimbing ke arah kesinambungan nilai dan budaya timur.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, orang tua adalah sumber pengetahuan dan pengalaman yang kaya dalam mewujudkan suasana keharmonian hidup berkeluarga.

"Mereka juga perlu bertanggungjawab terhadap penyelesaian hidup orang tua dalam keluarga mereka. Harus diingat bahawa suatu hari nanti mereka juga akan menjadi orang tua dan memerlukan kasih sayang keluarga," katanya.